

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

SBP220 Pengantar Perancangan Pembangunan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan

BAHAGIAN A : Soalan ini mestilah dijawab [50 markah]

1. Berikut ialah maklumat Kos dan Hasil bagi projek mainan kanak-kanak yang diperbuat daripada kayu.

Tahun	Modal Tetap	Kos Mengurus	Hasil
0	2100	-	-
1	-	400	920
2	-	560	965
3	-	560	965
4	-	560	965
5	-	560	965
6	215	560	1020
7	-	660	1020
8	-	670	1020
9	-	680	1020
10	-	700	1100

[a] Cari Nilai Kini Bersih pada Kadar Diskaun 14%

[b] Cari Kadar Pulangan Dalaman berdasarkan :

(i) Pengiraan; dan (ii) Graf

- [c] Cari Nilai Kini Bersih pada kadar Diskaun 10% berikutan dengan jangkaan peningkatan sebanyak 12% ke atas kos mengurus mulai Tahun 2 dan seterusnya.
- [d] Beberapa tahun selepas projek ini dijalankan, sebuah projek saingen (Kilang Mainan berasaskan buluh) didirikan. Kini cari Nilai Kini Bersih pada kadar diskau 10% apabila hasil dijangkakan jatuh sebanyak 15% setiap tahun mulai Tahun 4 berikutan dengan wujudnya persaingan.

BAHAGIAN B : Pilih Salah Satu Soalan Berikut : [30 markah]

2. Apabila kita merancang sesuatu projek besar seperti Projek Jambatan Pulau Pinang, satu kajian kemungkinan yang terperinci mesti dijalankan. Apakah perkara-perkara utama yang perlu dikaji bagi projek serupa itu.
3. Anda dilantik sebagai Pengurus Projek di Daerah Balik Pulau. Anda diberi peruntukan sebanyak \$250,000 untuk mengusahakan satu projek ternakan arnab. Projek ini akan dikendalikan oleh Persatuan Belia Balik Pulau.

Sekarang nyatakan langkah yang perlu diambil untuk memastikan kejayaan projek ini.

BAHAGIAN C : Pilih Salah Satu Soalan Berikut [20 markah]

4. Bincangkan faktor-faktor utama yang lazimnya menggagalkan sesuatu projek.
5. "Sesuatu projek itu tidak bermakna sekiranya terpisah daripada dasar pembangunan sesebuah negara"

Nyatakan : (a) Maksud kenyataan di atas
(b) Definisi projek pembangunan